

PEMBERITAHUAN

PEPERIKSAAN SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA (STPM)

Adalah dimaklumkan bahawa Majlis Peperiksaan Malaysia akan mengubah format pernyataan keputusan dan penganugerahan gred bagi peperiksaan STPM kepada pernyataan baru yang menggunakan Nilai Gred Mata Pelajaran (NGMP). Format yang baru ini adalah selaras dengan sistem pernyataan keputusan peperiksaan yang digunakan di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA).

Format pernyataan keputusan peperiksaan STPM yang baru ini akan melaporkan pencapaian calon dalam 11 gred berbanding dengan 7 gred yang sedia ada. Perbandingan pernyataan bagi gred kertas dan gred mata pelajaran STPM yang sedia ada dan yang baru adalah seperti yang berikut :

GRED STPM (SEDIA ADA)		GRED STPM (BARU)		
GRED KERTAS	GRED MATA PELAJARAN	GRED KERTAS	GRED MATA PELAJARAN	NGMP
1	A	A	A	4.00
2		A-	A-	3.67
3	B	B+	B+	3.33
4	C	B	B	3.00
5	D	B-	B-	2.67
		C+	C+	2.33
6	E	C	C	2.00
7	R	C-	C-	1.67
8		D+	D+	1.33
		D	D	1.00
9	F	F	F	0.00

Bagi gred mata pelajaran, gred C hingga gred A yang diberi nilai 2.00 hingga 4.00 dikira sebagai gred lulus penuh, manakala gred D hingga gred C- yang diberi nilai 1.00 hingga 1.67 sebagai gred lulus sebahagian dan gred F yang diberi nilai 0.00 sebagai gagal. Nilai gred mata pelajaran adalah berasaskan kepada peratus wajaran dan markah bagi setiap kertas bagi mata pelajaran berkenaan.

Penyataan keputusan peperiksaan STPM menggunakan Nilai Gred Mata Pelajaran (NGMP) ini akan dimulai dengan peperiksaan tahun 2003.

Contoh slip keputusan peperiksaan STPM yang baru adalah seperti yang berikut:

MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA KEPUTUSAN PEPERIKSAAN SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA				
NAMA : Ahmad bin Abdullah		NO.K/P : 830916-05-6429		
ANGKA GILIRAN : N02/1028		NEGERI : NEGERI SEMBILAN		
MATA PELAJARAN	WAJARAN (%)	GRED KERTAS	GRED MATA PELAJARAN	NGMP*
900 PENGAJIAN AM			A	4.00
KERTAS 1	37.5	A		
KERTAS 2	62.5	A		
954 MATEMATIK T			B-	2.67
KERTAS 1	50.0	B		
KERTAS 2	50.0	B-		
960 FIZIK			B+	3.33
KERTAS 1	30.0	B-		
KERTAS 2	60.0	B+		
KERTAS 3	10.0	A		
962 KIMIA			C+	2.33
KERTAS 1	30.0	B-		
KERTAS 2	60.0	C+		
KERTAS 3	10.0	A-		
* Nilai Gred Mata Pelajaran				

MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA
Bangunan MPM
 Persiaran 1, Bandar Baru Selayang
 68100 BATU CAVES
 Selangor Darul Ehsan
 (Tel: 03-61369663)

26 Disember 2002